

# 4 helikopter Nuri bantu mangsa banjir

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menyediakan empat buah helikopter jenis Nuri dalam Ops Banjir bagi membantu memindahkan mangsa banjir di negeri Johor.

Keempat-empat helikopter itu telah memulakan operasi sejak pukul 8 pagi hari ini.

Pegawai Perhubungan Awam TUDM, Mejar Zulkiflee Abdul Latiff berkata, tiga daripada pesawat berkenaan ditempatkan di Segamat manakala sebuah di Kluang.

"TUDM menempatkan tiga helikopter Nuri di Segamat dan sebuah di Kluang bagi memindahkan mangsa banjir di Johor.

"Dua daripadanya dari Pangkalan Udara Kuala Lumpur manakala dua lagi dari Pangkalan Udara Butterworth," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, lebih 10,000 penduduk di hampir semua daerah di Johor dan daerah Jasin, Melaka terpaksa dipindahkan akibat banjir selepas hujan lebat berterusan sejak Ahad lalu.

Daerah-daerah yang terbabit ialah Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Segamat, Kluang, Kota Tinggi dan Pontian.

Daerah Johor Bahru merupakan kawasan paling teruk terjejas membabitkan 3,741 orang daripada 561 keluarga terpaksa dipindahkan ke 35 pusat pemindahan.

Menurut Zulkiflee, operasi pemindahan dengan pesawat TUDM akan diteruskan setiap hari sehingga tugas selesai.